

# PM arah Samy beri penjelasan Isu Maika ke

BH - 9 JUN 1992

Oleh Wan Hamidi Hamid dan Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan meminta Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu menjelaskan kepada Kabinet berhubung isu peruntukan saham Telekom Malaysia kepada Maika Holding Berhad.

Dr Mahathir berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet sekembalinya dari Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro, yang berakhir Ahad ini.

"Apabila saya balik dari Rio nanti, bila ada mesyuarat Kabinet, dia (Samy Vellu) boleh jelaskan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengesahkan kenyataan Samy Vellu semalam yang menyebut Perdana Menteri berpuas hati dengan penjelasannya mengenai penjualan sembilan juta saham Telekom yang diperuntukkan kepada Maika Holdings.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, beliau perlu mendapat penjelasan daripada Samy Vellu sendiri mengenai perkara itu.

Katanya, beliau tidak dapat mengulas sebarang kenyataan berhubung isu Maika Holdings melalui kenyataan akhbar sebelum mendapat butir lengkap.

Dalam kenyataannya yang disiarkan oleh media massa tempatan hari ini, Samy Vellu yang juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, menyatakan beliau sudah menemui Perdana Menteri untuk menjelaskan penjualan saham Telekom kepada Maika Holdings sebelum ia men-

jadi isu.

Samy Vellu mendakwa beliau menemui Dr Mahathir sebelum Perdana Menteri bercuti di United Kingdom awal bulan lalu selepas kenyataan akhbar bekas Pengerusi Maika Holdings, D P Wijandran, mengenai penjualan saham itu.

Ditanya bila Samy Vellu menemui beliau, Perdana Menteri berkata: "Dia (Samy Vellu) berjumpa saya banyak kali. Jadi, saya tak tahu yang mana satu ini. Saya pun lupa sebab saya jumpa banyak orang."

Sebelum ini, dalam penjelasannya, Samy Vellu berkata, beliau mencadangkan sembilan jutasa-ham Telekom yang pada mulanya ditawarkan kepada Maika Holdings, diberi kepada tiga syarikat berkepentingan India bagi mendapatkan sumber kewangan membina Maktab Teknik dan Pendidikan Lanjutan (Tafe) di Seremban.

Tiga syarikat itu ialah Advance Personal Computers (APC), SB Management Sdn Bhd dan Clear Way Sdn Bhd, masing-masing ditawarkan tiga juta saham manakala sejuta lagi kepada Maika Holdings.

Berikutan itu, Samy Vellu menyatakan keuntungan bersih daripada penjualan saham berkenaan yang berjumlah \$7.1 juta disalurkan untuk membiayai kos pembinaan kolej terbabit.

Beliau menafikan ketiga-tiga syarikat itu sebagai miliknya atau saudara maranya serta tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan dirinya.

Samy Vellu jugadilaporkan berkata ketiga-tiga syarikat itu berjanji untuk menggunakan keseluruhan untung bersih daripada jualan saham Telekom bagi pembinaan Kolej Tafe.

# Kabinet